

B544

MAHATHIR-KONGRES

(1)

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG HARI INI 4 DIS)

¹⁹⁸⁰
KUALA LUMPUR, 4 DIS (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEUTAMAAN MESTI DIBERIKAN KEPADA KESIHATAN AWAM DAN LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH, MELUASKAN RAWATAN KESIHATAN UTAMA KE SELURUH KAWASAN LUAR BANDAR DAN MELATIH PARA PEGAWAI BAGI PROGRAM PERKHIDMATAN KESIHATAN NEGARA.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA TERLALU BANYAK YANG MESTI DIBUAT YANG MEMERLUKAN KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA YANG LEBIH PENTING.

BERUCAP MERASMIKAN KONGRES PERUBATAN MALAYSIA-SINGAPURA YANG KE-15 DI SINI, BELIAU BERKATA SEPERTI DOKTOR-DOKTOR LAIN BELIAU SELAKU MERASA TERGANGGU DENGAN KETIDAKSEMPURNAAN DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN.

BELIAU YANG MENYENTUH TENTANG KEKURANGAN TENAGA PAKAR BERKATA KERAJAAN AKAN MEMIKIRKAN DENGAN TELITI MENGENAI MENGANJURKAN PELAJARAN KURSUS LANJUTAN PERUBATAN.

MENURUT BELIAU KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG ADA, KEPERLUAN MENGADAKAN BERBAGAI KEPAKARAN, TENAGA MENGAJAR DAN TARAF PENJAGAAN ADALAH ANTARA PERKARA-PERKARA YANG SEDANG DIKAJI. —BERSAMBUNG 1600/BY

B545

MAHATHIR-KONGRES 2 KUALA LUMPUR

183

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT MENGENAI SIKAP TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN DIKTOR YANG PADA PANDANGANNYA ADALAH SIHAT DAN MENJAGI KEPERLUAN ASAS BAGI MENGADAKAN PENYELESAIAN.

BELIAU BERKATA MASALAH PERKHIDMATAN KESIHATAN TERDAPAT DI SEMUA NEGARA, TERMASUK NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA PERKHIDMATAN KESIHATAN KEBANGSAAN UNIT KINGDOM TELAH DIKRITIK OLEH PARA DOKTOR SEMENTARA RAWATAN PERUBATAN DI AMERIKA SYARIKAT ADALAH TERLALU MAHAL — SELALUNYA MEROSAKAN.

BELIAU BERKATA DI AUSTRALIA PULA TERLALU BANYAK PEMBEDAHAN DILAKUKAN.

MENGENAI KONGRES TERSEBUT, BELIAU GEMBIRA WALAUPUN PADA DASARNYA IA ADALAH SEBUAH FORUM UNTUK PARA DOKTOR DAN PENKHAJI MALAYSIA DAN SINGAPURA, IA JUGA SECARA BERANSUR-ANSUR MENJADI SATU FORUM DI PERINGKAT ASEAN DAN ANTARABANGSA DENGAN ADANYA PENYERTAAN DAN PERWAKILAN NEGARA-NEGARA LAIN. —BERNAMA 1603/BY

B588:

MAHATHIR-KONGRES 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 545)

TERDAHULU DARI ITU KETUA AKADEMI PERUBATAN MALAYSIA, DR. MAHMOOD MERICAN MENEGASKAN PERLUYA SATU PENDIDIKAN SISWAZAH LANJUTAN YANG TERSUSUN DAN SISTEMATIK BAGI MENGATASI KEKURANGAN PAKAR SEPERTI YANG BERLAKU SEKARANG.

BELIAU BERKATA AKADEMI ITU SEKIAN LAMA MENCADANGKAN SATU LEMBAGA PERUBATAN SISWAZAH LANJUTAN KEBANGSAAN DI MANA KERAJAAN, UNIVERSITI-UNIVERSITI DAN BADAN-BADAN PROFESIONAL MESTI DIWAKILI BAGI MENYELARAS LATIHAN DAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENSIJILAN SISWAZAH LANJUTAN.

BELIAU YAKIN LEMBAGA ITU AKAN DAPAT MENGGUNAKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA KEKURANGAN SUMBER-SUMBER PENDIDIKAN DI NEGARA INI DAN MENGEKALKAN MUTU YANG TINGGI.

DR. MAHMOOD BERHARAP RANG UNDANG-UNDANG YANG DICADANGKAN BAGI MENUBUHKAN KOLEJ PENGAMAL PERUBATAN, KOLEJ DOKTOR PERUBATAN DAN KOLEJ DOKTOR BEDAH AKAN DITINJAU DALAM KONTEKS PENDIDIKAN SISWAZAH LANJUTAN PERUBATAN DI MASA AKAN DATANG.

RAKAN SEJAWATNYA DARI SINGAPURA, PROF. LIM PIN BERKATA AKADEMI ITU AKAN MENGADAKAN SATU KONGRES JUBLI ISTIMEWA BAGI MENYAMBUT ULANGTAHUN PENUBUHANNYA DI SINGAPURA DALAM TAHUN 1982. — BERNAMA 1845/1B